



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan
Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi


Negeri Perlis

Tahun 2012



DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS


JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi NEGERI PERLIS

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**




KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	8
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	17
Akaun Amanah Disatukan	18
Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	26
Penyata Prestasi Kewangan	26
Penyata Akaun Memorandum	28
Nota Kepada Penyata Kewangan	30
Rumusan Dan Syor Audit	32
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	37
Rumusan	39
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	43
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	43
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	44

PERKARA	MUKA SURAT
Objektif Pengauditan	44
Skop Dan Metodologi Pengauditan	45
Kawalan Utama	45
Penemuan Audit	56
Pemeriksaan Audit Mengejut	61
Syor Audit	62
 BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	67
Pengauditan Penyata Kewangan	67
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	67
Pengesahan Penyata Kewangan	68
Pembentangan Penyata Kewangan	70
Prestasi Kewangan	70
Rumusan Dan Syor Audit	79
 BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	83
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	83
PENUTUP	87
 LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	91
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	92
III Penyata Kedudukan Kewangan	93
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	94
V Penyata Prestasi Kewangan	95
VI Penyata Akaun Memorandum	96
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	97



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis menitahkan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2012 adalah tahun keenam pelaksanaannya. AI diwujudkan bagi membuat penilaian secara objektif untuk mengukur dan memberi penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan oleh Jabatan/Agensi terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik seperti **Cepat, Tepat Dan Berintegriti**.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perlis Tahun 2012 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2012. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2012, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

3. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat.


4. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urusan niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ianya menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan/Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan inventori sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
26 Julai 2013



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2012 adalah kurang memuaskan. Pada tahun 2012, baki Kumpulan Wang Disatukan mengalami penurunan berjumlah RM9.79 juta atau 18.7% menjadi RM42.62 juta berbanding RM52.41 juta pada tahun 2011. Defisit Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM33.95 juta atau 19.6% menjadi RM207.29 juta. Kutipan hasil pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM29.54 juta atau 30.2% menjadi RM127.35 juta manakala perbelanjaan mengurus termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM30.98 juta juga meningkat sejumlah RM17.23 juta atau 12% menjadi RM161.30 juta. Hutang Awam Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM0.67 juta atau 0.2% menjadi RM343.16 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan meningkat RM14.59 juta atau 9.1% menjadi RM175.72 juta. Akaun Belum Terima meningkat RM0.52 juta atau 2.2% menjadi RM24.57 juta manakala Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman daripada Agensi Negeri meningkat RM1.50 juta atau 2.2% menjadi RM70.27 juta.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Bagi menjayakan RMKe-10 Negeri Perlis, sejumlah RM511.90 juta siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun untuk melaksanakan 860 projek pembangunan. Pada tahun 2012, sejumlah RM63.87 juta atau 87.5% daripada RM72.98 juta peruntukan pembangunan yang diluluskan telah dibelanjakan oleh 6 Jabatan/Pejabat. Sebanyak 132 projek daripada 141 projek pembangunan yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2012 telah dijalankan manakala 9 projek lagi belum mula atau ditangguhkan. Daripada jumlah tersebut, 107 projek telah dijalankan mengikut jadual/siap manakala 25 projek adalah lewat jadual.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI


4. Pada tahun 2012, Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti telah dilaksanakan di 8 Jabatan/Agensi Negeri. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan di 2 Jabatan adalah pada tahap sangat baik, 5 Jabatan/Agensi Negeri pada tahap baik manakala satu Agensi Negeri pada tahap memuaskan. Keadaan ini adalah tidak memuaskan disebabkan 3 Jabatan/Agensi Negeri didapati pencapaian pengurusan kewangannya menurun berbanding tahun sebelumnya. Kelemahan yang dibangkitkan terutamanya adalah berhubung dengan Kawalan Bajet; Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Dan Stor dan Pengurusan Pelaburan.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2012 oleh Agensi Negeri Perlis kepada Jabatan Audit Negara adalah baik. Sehingga 30 Jun 2013, semua Agensi Negeri, kecuali Yayasan Islam Perlis, telah mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2012 kepada Jabatan Audit Negara untuk tujuan pengauditan. Sepanjang tempoh tersebut, 9 Penyata Kewangan Agensi Negeri telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara melibatkan 5 Sijil Tanpa Teguran dan 4 Sijil Berteguran. Sebanyak 8 Penyata Kewangan bagi 6 Agensi Negeri telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri yang terdiri daripada 6 Penyata Kewangan Tahun 2011 dan masing-masing satu bagi Penyata Kewangan Tahun 2009 dan 2010. Lima (5) daripada 6 Agensi Negeri mencatatkan surplus dalam Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahun 2012. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar mencatatkan surplus berjumlah RM96.08 juta dan RM4.89 juta manakala Majlis Sukan Negeri Perlis mencatatkan defisit berjumlah RM0.25 juta. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis mencatatkan kurangan dalam Aset Bersih Semasa berjumlah RM12.43 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman sahaja berjumlah RM76.17 juta atau 90.2% daripada keseluruhan Tanggungan Semasanya yang berjumlah RM84.47 juta.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Akaun Agensi Negeri Perlis bagi tahun 2011 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 5 Disember 2012. Pada tahun 2012, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Perlis (Jawatankuasa) hanya bermesyuarat sekali sahaja dan membincangkan isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Jawatankuasa telah memanggil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pembangunan Persekutuan untuk mendapat penjelasan lanjut berkenaan Pembinaan Penempatan Di Kurong Tengar, Kuala Perlis. Pengurusan Syarikat Kota Kangar Sdn. Bhd. turut dipanggil untuk memberi penjelasan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.



BAHAGIAN I

**Pengesahan Penyata Kewangan
Kerajaan Negeri Perlis
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2012**

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 kepada Jabatan Audit Negara pada **23 Januari 2013**. Penyerahan Penyata pada tahun ini adalah lebih awal berbanding tahun 2011. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2012 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Sejak tahun kewangan 2011, Kerajaan Negeri telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak - 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan menggantikan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (2004) selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berasaskan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2012. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kekurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan Negeri terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala Liabiliti terdiri daripada Hutang Awam iaitu pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN


2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2012. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2012 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2012, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2012, Kumpulan Wang Disatukan mencatat penurunan berjumlah RM9.79 juta atau 18.7% menjadi RM42.62 juta berbanding RM52.41 juta pada tahun 2011. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2011 Dan 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-173.34	-207.29	-33.95	-19.6
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	225.75	249.91	24.16	10.7
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>				
	<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	0.08	11.73	11.65	14,562.5
	<i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	-27.18	-28.14	-0.96	-3.5
	<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	109.07	106.81	-2.26	-2.1
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	102.99	115.81	12.82	12.4
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	40.79	43.70	2.91	7.1
	Jumlah	52.41	42.62	-9.79	-18.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-133.76	-134.36	-127.08	-173.34	-207.29
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	7.00	0.00	1.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	162.28	168.28	158.11	225.75	249.91
	i) <i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>					
	<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	23.25	9.82	-5.62	0.08	11.73
	<i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	-37.68	-29.63	-32.51	-27.18	-28.14
	<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	87.45	80.49	66.72	109.07	106.81
	ii) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	53.48	71.96	94.19	102.99	115.81
	iii) <i>Akaun Wang Deposit</i>	35.78	35.64	35.33	40.79	43.70
	Jumlah	35.52	33.92	32.03	52.41	42.62

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.3. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mengalami penurunan berjumlah RM9.79 juta atau 18.7% iaitu daripada RM52.41 juta pada tahun 2011 menjadi RM42.62 juta pada tahun 2012. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh defisit Akaun Hasil Disatukan meningkat RM33.95 juta atau RM19.6% menjadi RM207.29 juta berbanding RM173.34 juta pada tahun 2011.

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh kurang 3 bulan, manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya, tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

4.3.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM9.79 juta atau 18.7% menjadi RM42.62 juta pada tahun 2012 berbanding RM52.41 juta pada tahun 2011 seperti di **Jadual 4.3**. Penurunan wang tunai berjumlah RM9.79 juta ini disebabkan oleh kurangan terimaan berbanding pembayaran berjumlah

RM1.36 juta selain bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM8.43 juta. Kedudukan baki wang tunai bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Pada Tahun 2011 Dan 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	52.25	42.31	-9.94	-19.0
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.15	0.30	0.15	100.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.01	0.01	0.00	0.0
Jumlah		52.41	42.62	-9.79	-18.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.4
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	31.12	23.69	31.98	52.25	42.31
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.39	0.22	0.04	0.15	0.30
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01
Jumlah		31.52	23.92	32.03	52.41	42.62

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957 membenarkan Kerajaan Negeri membuat pelaburan dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan yang diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan lain yang berkuat kuasa. Manakala, Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2.2. Mulai tahun kewangan 2011, semua Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh lebih 3 bulan diklasifikasikan sebagai Pelaburan manakala bagi tempoh kurang daripada 3 bulan diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank. Ia selaras dengan Para 1.2.3. *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting* dan Para 6.3.1(b)(ii) Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak – 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

4.3.2.3. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan pelaburan dalam Simpanan Tetap pada tahun 2009. Pada tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pelaburan dalam

Simpanan Tetap bagi tempoh melebihi 3 bulan. Kedudukan baki Pelaburan Am bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 4.1**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang mengakaunkan semua urusan niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4.2. Pada tahun 2012, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan defisit berjumlah RM33.95 juta, penurunan RM12.31 juta atau 26.6% berbanding defisit RM46.26 juta pada tahun 2011. Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM30.98 juta) berjumlah RM161.30 juta melebihi kutipan hasil yang berjumlah RM127.35 juta. Defisit ini telah menyebabkan baki defisit Akaun Hasil Disatukan meningkat RM33.95 juta atau 19.6% menjadi RM207.29 juta berbanding RM173.34 juta pada tahun 2011. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2011 Dan 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)		
Baki Pada 1 Januari	-127.08	-173.34	-46.26	-36.4
<i>Hasil</i>	97.81	127.35	29.54	30.2
<i>Perbelanjaan Mengurus</i>	115.05	130.32	15.27	13.3
<i>Pindahan Ke Dalam Kumpulan Wang Pembangunan</i>	29.02	30.98	1.96	6.8
Surplus/Defisit	-46.26	-33.95	12.31	26.6
Baki Pada 31 Disember	-173.34	-207.29	-33.95	19.6


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3. Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.6
Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Butiran	Tahun				
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-121.08	-133.76	-134.36	-127.08	-173.34
Hasil	77.44	95.94	116.49	97.81	127.35
Perbelanjaan Mengurus	90.12	96.54	109.21	115.05	130.32
Pindahan Ke Dalam Kumpulan Wang Pembangunan	0.00	0.00	0.00	29.02	30.98
Surplus/Defisit	-12.68	-0.60	7.28	-46.26	-33.95
Baki Pada 31 Disember	-133.76	-134.36	-127.08	-173.34	-207.29

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4. Analisis Audit mendapati defisit Akaun Hasil Disatukan meningkat pada tahun 2009, 2011 dan 2012 manakala menurun pada tahun 2010. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri mencatatkan defisit Akaun Hasil Disatukan tertinggi pernah direkodkan iaitu berjumlah RM207.29 juta.

4.4.5. Hasil

4.4.5.1. Terimaan hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil, kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Kerajaan Negeri memungut 3 jenis hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2012, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM127.35 juta atau 172.9%

daripada anggaran yang berjumlah RM73.66 juta. Perbandingan anggaran dengan kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri pada tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Kutipan Hasil Berbanding Anggaran Kerajaan Negeri Pada Tahun 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun 2012		Perubahan	
		Anggaran	Sebenar	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)		
1.	Hasil Cukai	15.51	12.49	-3.02	-19.5
2.	Hasil Bukan Cukai	38.07	47.62	9.55	25.1
3.	Terimaan Bukan Hasil	20.08	67.24	47.16	234.9
Jumlah		73.66	127.35	53.69	72.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 berjumlah RM127.35 juta iaitu meningkat sejumlah RM29.54 juta atau 30.2% berbanding RM97.81 juta pada tahun 2011 dan ditunjukkan seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Pada Tahun 2011 Dan 2012

Bil.	Kategori	Tahun		Perubahan	
		2011	2012	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)		
1.	Hasil Cukai	13.16	12.49	-0.67	-5.1
2.	Hasil Bukan Cukai	37.55	47.62	10.07	26.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	47.10	67.24	20.14	42.8
Jumlah		97.81	127.35	29.54	30.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.3. Analisis Audit mendapati 4 butiran hasil yang mencatatkan peningkatan ketara pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2012 Berbanding 2011

Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2012 Dibandingkan 2011						
Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Punca
		2011	2012	(RM Juta)	(RM Juta)	
		(RM Juta)	(RM Juta)			
1.	Geran Pemberian Berdasarkan Kekurangan Hasil	4.74	25.35	20.61	434.8	Bantuan daripada Kerajaan Persekutuan bagi mengurangi defisit tahun sebelumnya.
2.	Premium Tanah Yang Lain	6.95	10.76	3.81	54.8	Peningkatan jumlah kes perolehan tanah.
3.	Sewa Bangunan Yang Lain	0.99	4.70	3.71	374.7	Penyewa menjelaskan tunggakan sewa bangunan tahun 2011.
4.	Premium Tukar Syarat Tanah	2.47	3.76	1.29	52.2	Peningkatan jumlah kes tukar syarat tanah daripada pertanian kepada komersial.
Jumlah		15.15	44.57	29.42	194.2	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.4. Analisis perbandingan bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan kutipan hasil pada tahun 2009, 2010 dan 2012 manakala menurun pada tahun 2011. Kedudukan kutipan hasil bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.10** dan **Carta 4.3**. Kutipan hasil tahun 2012 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.10


Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Kategori	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	11.60	12.05	11.48	13.16	12.49
2.	Hasil Bukan Cukai	30.76	39.09	44.09	37.55	47.62
3.	Terimaan Bukan Hasil	35.08	44.80	60.92	47.10	67.24
Jumlah		77.44	95.94	116.49	97.81	127.35

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.3

Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga 2012



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan, Jualan Air, Premium Tanah Yang Lain, Cukai Tanah Semasa dan Permit Tanah Dan Galian. Kesemua hasil ini menyumbang sejumlah RM101.61 juta atau 79.8% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2012 berbanding RM80.11 juta pada tahun 2011. Manakala trend penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2012. Jumlah Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 adalah tertinggi dalam tempoh 5 tahun. Penyumbang Hasil Utama Negeri Kerajaan Negeri untuk tempoh 2 tahun dan trend 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.11** dan **Jadual 4.12**.

Jadual 4.11**Penyumbang Hasil Utama Kerajaan Negeri Pada Tahun 2011 Dan 2012**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun			
		2011 (RM Juta)	(%)	2012 (RM Juta)	(%)
1.	Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan	43.63	44.6	62.72	49.3
2.	Jualan Air	15.13	15.5	15.21	12.0
3.	Premium Tanah Yang Lain	6.95	7.1	10.76	8.5
4.	Cukai Tanah Semasa	9.48	9.7	8.43	6.6
5.	Permit Tanah Dan Galian	4.92	5.0	4.49	3.5
Jumlah		80.11	81.9	101.61	79.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.12**Trend Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan	34.34	44.42	59.78	43.63	62.72
2.	Jualan Air	13.80	14.41	14.76	15.13	15.21
3.	Premium Tanah Yang Lain	3.25	7.88	12.32	6.95	10.76
4.	Cukai Tanah Semasa	8.73	7.83	7.89	9.48	8.43
5.	Permit Tanah Dan Galian	4.56	5.94	5.92	4.92	4.49
Jumlah		64.68	80.48	100.67	80.11	101.61

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6. Perbelanjaan Mengurus

4.4.6.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Manakala Perbelanjaan Perbekalan adalah yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan Negeri. Pada tahun 2012, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri (tidak termasuk pindahan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM30.98 juta) berjumlah RM130.32 juta atau 79% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM164.89 juta. Kerajaan Negeri hanya membuat pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM8.43 juta atau 20.8% daripada RM40.55 juta anggaran. Perbelanjaan mengurus berbanding anggaran Kerajaan Negeri pada tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13**Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran Kerajaan Negeri Pada Tahun 2012**

Bil.	Butiran Perbelanjaan Mengurus	Tahun 2012		Penurunan	
		Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	38.59	38.23	-0.36	-0.9
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	48.14	46.39	-1.75	-3.6
3.	Aset	3.28	3.23	-0.05	-1.5
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	74.31	41.92	-32.39	-43.6
5.	Perbelanjaan Lain	0.57	0.55	-0.02	-3.5
Jumlah		164.89	130.32	-34.57	-21.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.2. Pada tahun 2012, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM15.27 juta atau 13.3% menjadi RM130.32 juta, berbanding RM115.05 juta pada tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14**Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2011 Dan 2012**

Bil.	Butiran Perbelanjaan Mengurus	Tahun 2012		Peningkatan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	34.90	38.23	3.33	9.5
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	40.44	46.39	5.95	14.7
3.	Aset	2.08	3.23	1.15	55.3
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	37.23	41.92	4.69	12.6
5.	Perbelanjaan Lain	0.40	0.55	0.15	37.5
Jumlah		115.05	130.32	15.27	13.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.3. Peningkatan ketara perbelanjaan mengurus pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15**Peningkatan Ketara Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2012 Berbanding 2011**

Bil.	Butiran Perbelanjaan Mengurus	Tahun		Peningkatan		Punca
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Gaji Dan Upah	22.01	24.87	2.86	13.0	Pelarasan gaji serta kenaikan dalam pembayaran Imbuhan Tahunan.
2.	Pemberian Dalam Negeri	27.94	30.67	2.73	9.8	Peningkatan dalam jumlah Pemberian Bantuan Am kepada penduduk miskin.
3.	Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran	6.35	8.43	2.08	32.8	Peningkatan dalam jumlah bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan.
4.	Perkhidmatan Iktisas	13.98	15.82	1.84	13.2	Peningkatan dalam perkhidmatan yang dibeli.

Bil.	Butiran Perbelanjaan Mengurus	Tahun		Peningkatan		Punca
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
5.	Kenderaan Dan Jentera	0.62	2.13	1.51	243.5	Pembelian kenderaan rasmi.
Jumlah		70.90	81.92	11.02	15.5	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.6.4. Analisis perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan ia meningkat pada setiap tahun. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.16** dan **Carta 4.4**.

Jadual 4.16

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Butiran Perbelanjaan Mengurus	Tahun				
		2008	2009	2010	2011	2012
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Emolumen	27.93	31.04	33.21	34.90	38.23
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	34.37	35.26	36.87	40.44	46.39
3.	Aset	2.08	3.63	2.20	2.08	3.23
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	25.41	26.19	36.60	37.23	41.92
5.	Perbelanjaan Lain	0.33	0.42	0.33	0.40	0.55
Jumlah		90.12	96.54	109.21	115.05	130.32

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/ perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa, dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada

tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.

- b. Pada tahun 2012, sejumlah RM0.43 juta telah dibayar di bawah peruntukan AP58(a) melibatkan 153 Baucar Bayaran berbanding RM1.42 juta bagi 161 Baucar Bayaran pada tahun 2011. Butiran pembayaran di bawah peruntukan AP58(a) pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17

Pembayaran Di Bawah Peruntukan Arah Perbendaharaan 58(a) Pada Tahun 2011 Dan 2012

Bil.	Jabatan/Pejabat	2011		2012	
		Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)	Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	96	0.71	94	0.26
2.	Jabatan Kerja Raya	43	0.61	12	0.06
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2	0.00	9	0.03
4.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0	0.00	4	0.02
5.	Jabatan Pertanian	4	0.04	3	0.02
6.	Jabatan Tanah Dan Galian	12	0.02	11	0.01
7.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	3	0.04	2	0.00
8.	Lain-lain Jabatan	1	0.00	18	0.03
Jumlah		161	1.42	153	0.43

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk bayaran penyenggaraan bangunan, perkhidmatan kawalan keselamatan dan tuntutan Elaun Lebih Masa pegawai. Pembayaran di bawah peruntukan AP58(a) dibuat antaranya disebabkan bil/tuntutan lewat diterima.

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan sebelum dipindahkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang tertentu. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri menerima pinjaman berjumlah RM6.13 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai Projek Pembinaan Istana Perlis Di Kuala Lumpur dan Projek Bekalan Air. Pinjaman yang diterima ini kemudiannya telah dipindahkan dan diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan 5. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18
Baki Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2011 Dan 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)		
Baki Pada 1 Januari	1.00	0.00	-1.00	100.0
Terimaan	4.79	6.13	1.34	28.0
Bayaran	5.79	6.13	0.34	5.9
Baki Pada 31 Disember	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.2. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19
Kedudukan Baki Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Pinjaman Badan Berkanun	7.00	0.00	1.00	0.00	0.00
2.	Pinjaman Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		7.00	0.00	1.00	0.00	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada 3 kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Akaun ini menguruskan semua wang yang diterima dan dibelanjakan mengikut terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2012, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM249.91 juta berbanding RM225.75 juta pada tahun 2011, peningkatan sejumlah RM24.16 juta atau 10.7%.

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan. Pembayaran dari kumpulan wang ini tidak dibenarkan melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70). Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan.

Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.

- b. Penerimaan kumpulan wang ini pada tahun 2012 berjumlah RM75.52 juta adalah terdiri daripada Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM30.98 juta, Geran Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM23.31 juta, Pemberian Pertambahan Hasil Daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM12.04 juta, pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM4.0 juta serta ansuran dan bayaran balik pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM5.19 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2012 berjumlah RM63.87 juta berbanding RM63.52 juta pada tahun 2011, peningkatan sejumlah RM0.35 juta atau 0.6%. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2012 berjumlah RM11.73 juta, meningkat RM11.65 juta atau 14562.5% berbanding RM0.08 juta pada tahun 2011 disebabkan lebih terimaan berjumlah RM11.65 juta atau 15.4% berbanding perbelanjaan. Perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20

Baki Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2011 Dan 2012

Butiran	Tahun		Peningkatan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-5.62	0.08	5.70	101.4
<i>Penerimaan</i>	69.22	75.52	6.30	9.1
<i>Perbelanjaan</i>	63.52	63.87	0.35	0.6
Surplus/Defisit	5.70	11.65	5.95	104.4
Baki Pada 31 Disember	0.08	11.73	11.65	14562.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Peruntukan kewangan bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2012 berjumlah RM72.98 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM63.87 juta atau 87.5%. Keseluruhan perbelanjaan pembangunan ini adalah yang tertinggi pernah dicatatkan oleh Kerajaan Negeri. Jabatan Kerja Raya mencatatkan peningkatan perbelanjaan berjumlah RM7.86 juta atau 48.1% menjadi RM24.20 juta berbanding RM16.34 juta pada tahun 2011. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut Jabatan/Pejabat pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21**Perbelanjaan Pembangunan Pada Tahun 2011 Dan 2012**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	16.34	24.20	7.86	48.1
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	18.91	16.59	-2.32	-12.3
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	13.72	10.05	-3.67	-26.7
4.	Jabatan Pertanian	6.95	6.93	-0.02	-0.3
5.	Jabatan Perhutanan	4.21	3.34	-0.87	-20.7
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.39	2.76	-0.63	-18.6
Jumlah		63.52	63.87	0.35	0.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1.2. Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air

- a. Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1) Akta 230 (Akta Kumpulan Wang Bekalan Air). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta penyenggaraan bekalan air. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah RM20.26 juta ke dalam Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air iaitu sejumlah RM18.13 juta dari Akaun Hasil Disatukan manakala sejumlah RM2.13 juta adalah melalui pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air telah membelanjakan sejumlah RM16.96 juta untuk perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM4.26 juta untuk perbelanjaan pembangunan menyebabkan baki defisit terkumpul kumpulan wang ini meningkat sejumlah RM0.96 juta atau 3.5% menjadi RM28.14 juta berbanding RM27.18 juta pada tahun 2011 seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22**Baki Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air Pada Tahun 2011 Dan 2012**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-32.51	-27.18	5.33	16.4
<i>Penerimaan</i>	23.97	20.26	-3.71	-15.5
<i>Perbelanjaan</i>	18.64	21.22	2.58	13.8
Surplus/Defisit	5.33	-0.96	-6.26	-118.0
Baki Pada 31 Disember	-27.18	-28.14	-0.96	-3.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


- b. Mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan 4 (PPK4), Akaun Amanah tidak boleh terlebih dikeluarkan. Kerajaan Negeri hendaklah membuat caruman ke dalam Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air bagi memastikan akaun ini tidak berbaki defisit. Perkara ini telah dibangkitkan oleh pihak Audit pada tahun lalu, namun tiada tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air sentiasa berbaki positif.

4.6.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2012, baki akaun ini berkurangan sejumlah RM2.26 juta atau 2.1% menjadi RM106.81 juta berbanding RM109.07 juta pada tahun 2011.

a. Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan

Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan merekodkan terimaan serta pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Pendahuluan yang diterima ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2012, baki Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan meningkat RM5.0 juta atau 7.2% menjadi RM74.82 juta berbanding RM69.82 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan penerimaan pendahuluan berjumlah RM15.0 juta untuk membiayai Projek Pembinaan Istana Perlis Di Kuala Lumpur selain pembayaran balik berjumlah RM10.0 juta. Kedudukan baki Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 4.5**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

b. Perbelanjaan Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

- i. Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) menetapkan bahawa pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barangan/perkhidmatan kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperolehi dan pembayaran ditanggungkan kepada Akaun Pendahuluan Diri Pegawai Awam sementara menunggu hasil siasatan.

- ii. Pada tahun 2012, perbelanjaan di bawah AP59 berjumlah RM0.71 juta telah dikenakan atas nama Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis sementara menunggu laporan hasil siasatan. Ia berkenaan sejumlah 33 tuntutan kerja-kerja pembaikan kerosakan paip air yang dijalankan pada tahun 2011 tidak dibuat pengesahan pelaksanaannya oleh pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Kerja Raya, Bahagian Bekalan Air.

c. Akaun Kena Bayar

- i. Akaun Kena Bayar (AKB) adalah bayaran yang dilakukan pada bulan Januari tahun berikutnya, bagi bekalan dan perkhidmatan yang disempurnakan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa dan bayaran dikenakan dalam peruntukan akaun tahun tersebut.
- ii. Pada tahun 2012, perbelanjaan di bawah AKB berjumlah RM7.93 juta berbanding RM15.57 juta pada tahun 2011, penurunan sejumlah RM7.64 juta atau 49.1%. Jabatan Pengairan Dan Saliran mencatatkan penurunan AKB tertinggi iaitu sejumlah RM2.40 juta atau 89.6%, diikuti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sejumlah RM2.33 juta atau 50.8%, Jabatan Pertanian sejumlah RM1.39 juta atau 83.2% dan Jabatan Kerja Raya sejumlah RM0.99 juta atau 25.2%. Manakala Jabatan Perhutanan telah mencatatkan peningkatan AKB sejumlah RM0.03 juta atau 4.1%. Senarai Jabatan yang mempunyai perbelanjaan AKB pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23


Perbelanjaan Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2011 Dan 2012

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Perhutanan	0.73	0.76	0.03	4.1
2.	Perbendaharaan Negeri	0.05	0.04	-0.01	-20.0
3.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	0.63	0.62	-0.01	-1.6
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.50	0.49	-0.01	-2.0
5.	Jabatan Lain	0.79	0.26	-0.53	-67.1
6.	Jabatan Kerja Raya	3.93	2.94	-0.99	-25.2
7.	Jabatan Pertanian	1.67	0.28	-1.39	-83.2
8.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	4.59	2.26	-2.33	-50.8
9.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2.68	0.28	-2.40	-89.6
Jumlah		15.57	7.93	-7.64	-49.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- iii. Analisis perbandingan AKB bagi tempoh 5 tahun menunjukkan penurunan pada tahun 2009 hingga 2012. Perbandingan AKB dengan perbelanjaan mengurus (tidak termasuk pindahan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM30.98 juta) dan pembangunan (termasuk perbelanjaan mengurus dan

pembangunan Jabatan Kerja Raya, Bahagian Bekalan Air berjumlah RM21.22 juta) bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 4.6**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- iv. Analisis perbandingan jumlah perbelanjaan berbanding AKB pada tahun 2012 mendapati perbelanjaan meningkat sejumlah RM18.20 juta atau 9.3% menjadi RM215.41 juta manakala AKB telah menurun sejumlah RM7.64 juta atau 49.1% menjadi RM7.93 juta. Ia menunjukkan Jabatan telah berjaya membuat pembayaran dengan segera pada tahun semasa.

4.6.1.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

- a. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan Wang Amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- b. Pada tahun 2012, Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sejumlah RM12.82 juta atau 12.4% menjadi RM115.81 juta berbanding RM102.99 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini antaranya disebabkan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan raya menerima sumbangan berjumlah RM22.04 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun didapati satu Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Dana Pertanian yang berjumlah RM0.44 juta telah tidak aktif sejak tahun 2007 masih belum ditutup. Adalah disyorkan akaun ini ditutup sekiranya tidak diperlukan atau telah mencapai objektif penubuhannya. Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan 2 Akaun Amanah baru iaitu Akaun Amanah Pembangunan dan Akaun Amanah Penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-17. Kedua-dua Akaun Amanah tersebut di bawah

kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri. Baki akhir tahun bagi 10 Akaun Amanah yang mengalami peningkatan berjumlah RM26.82 juta dan penurunan berjumlah RM14.64 juta adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24

Peningkatan Dan Penurunan Baki Akhir Tahun 2012 Akaun Amanah

Bil.	Akaun Amanah	Peningkatan (RM Juta)	Bil.	Akaun Amanah	Penurunan (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya	15.09	1.	Akaun Amanah Bantuan Kewangan – Program Rumah Terbuka	5.20
2.	Akaun Amanah Penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-17	6.50	2.	Akaun Amanah Istana Perlis	4.81
3.	Akaun Amanah Caruman Tangki Air	2.41	3.	Dana Khas Kementerian Kewangan 1	2.05
4.	Akaun Amanah Misi Pelaburan/Lawatan & Program Khas – FELCRA	1.43	4.	Akaun Amanah Elaun Ketua Kampong	1.91
5.	Akaun Amanah Wang Gantian Rumah Kos Rendah	1.39	5.	Akaun Amanah Program Infrastruktur PAKR	0.67
Jumlah		26.82	Jumlah		14.64

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menutup Akaun Amanah Dana Usahawan dan Akaun Amanah Dana Khas Kementerian Kewangan kerana telah mencapai maksud penubuhannya dan tidak dikehendaki lagi. Baki wang dalam kedua-dua akaun tersebut yang berjumlah RM0.53 juta telah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan.

d. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya

- i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya diwujudkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2005 mengikut Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi merekodkan pemberian Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kos penyelenggaraan jalan raya Negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Kangar. Jumlah pemberian berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dihitung dengan mendarabkan kos purata menyenggarakan sebatu jalan Negeri mengikut standard minimum yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara dengan sekian panjang perbatuan jalan-jalan Negeri yang ada pada 31 Disember dalam tahun kewangan yang terdahulu.
- ii. Jalan Raya Negeri yang disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Kangar pada tahun 2012 mengikut Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) adalah sepanjang 392.21 kilometer berbanding 388.72 kilometer pada tahun 2011. Terimaan pemberian penyelenggaraan jalan raya pada tahun 2012 telah meningkat sejumlah RM1.0 juta atau 4.7% menjadi RM22.24

juta berbanding RM21.24 juta pada tahun 2011 dan sejumlah RM7.15 juta atau 32.1% telah dibelanjakan, termasuk pemberian RM2.0 juta kepada Majlis Perbandaran Kangar. Baki akaun pada akhir tahun 2012 berjumlah RM79.39 juta berbanding RM64.30 juta pada tahun 2011. Kedudukan terimaan dan perbelanjaan Akaun Amanah ini bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25

Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	% Penggunaan
2008	17.45	19.61	4.67	32.39	23.8
2009	32.39	18.50	7.85	43.04	42.4
2010	43.04	19.78	8.43	54.39	42.6
2011	54.39	21.24	11.33	64.30	53.3
2012	64.30	22.24	7.15	79.39	32.1


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1.5. Akaun Wang Deposit

Deposit adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Pada tahun 2012, baki Akaun Wang Deposit meningkat sejumlah RM2.91 juta atau 7.1% menjadi RM43.70 juta berbanding RM40.79 juta pada tahun 2011. Deposit Wang Jaminan meningkat sejumlah RM0.90 juta atau 34.5% menjadi RM3.51 juta manakala Deposit Tanah meningkat RM0.84 juta atau 2.8% menjadi RM31.12 juta. Kedudukan Akaun Deposit bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 4.7**.

Carta 4.7

Baki Akaun Wang Deposit Bagi Tahun 2008 Hingga 2012



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

4.7.1. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh 3 bulan atau kurang yang mudah ditukar kepada wang tunai. Penerimaan wang tunai terdiri daripada penerimaan hasil, penerimaan pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain. Pembayaran wang tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan modal, pengeluaran/pembayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

4.7.2. Wang tunai yang diterima pada tahun 2012 berjumlah RM186.53 juta, penurunan sejumlah RM18.21 juta atau 8.9% berbanding RM204.74 juta pada tahun 2011. Pembayaran tunai pada tahun 2012 telah meningkat sejumlah RM11.96 juta atau 6.5% menjadi RM196.32 juta berbanding RM184.36 juta pada tahun 2011. Kedudukan penerimaan dan pembayaran wang tunai pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26
Kedudukan Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai
Pada Tahun 2011 Dan 2012

Butiran	Penerimaan/Pembayaran Wang Tunai		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Awal	32.03	52.41	20.38	63.6
Penerimaan	204.74	186.53	-18.21	-8.9
<i>Hasil</i>	97.81	127.35	29.54	30.2
<i>Pinjaman</i>	4.79	6.13	1.34	28.0
<i>Modal</i>	40.20	40.54	0.34	0.8
<i>Amanah</i>	61.94	12.51	-49.43	-79.8
Pembayaran	184.36	196.32	11.96	6.5
<i>Mengurus</i>	108.70	121.89	13.19	12.1
<i>Pembangunan</i>	63.52	63.87	0.35	0.6
<i>Pinjaman</i>	12.14	10.56	-1.58	-13.0
Jumlah	52.41	42.62	-9.79	-18.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7.3. Baki Wang Tunai Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2012 berjumlah RM42.62 juta, penurunan sejumlah RM9.79 juta atau 18.7% berbanding RM52.41 juta pada tahun 2011. Punca penurunan wang tunai ini adalah disebabkan oleh kurangan penerimaan berbanding pembayaran berjumlah RM9.76 juta.

4.8. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.8.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman Dalam

Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

4.8.2. Pada tahun 2012, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit RM97.82 juta, penurunan RM11.96 juta atau 10.9% berbanding defisit RM109.78 juta pada tahun 2011. Hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM127.35 juta manakala perbelanjaan mengurus, pembangunan dan pindahan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM225.17 juta. Hasil Kerajaan Negeri meningkat RM29.54 juta atau 30.2% menjadi RM127.35 juta berbanding RM97.81 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM130.32 juta, meningkat RM15.27 juta atau 13.3% berbanding RM115.05 juta pada tahun 2011, perbelanjaan pembangunan meningkat RM0.35 juta atau 0.6% menjadi RM63.87 juta berbanding RM63.52 juta pada tahun 2011 manakala pindahan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan meningkat RM1.96 juta atau 6.8% menjadi RM30.98 juta berbanding RM29.02 juta pada tahun 2011.

4.8.3. Kerajaan Negeri menampung defisit tersebut menerusi terimaan Geran Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup dan Geran Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM35.35 juta, pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM30.98 juta, terimaan Ansuran Perumahan Awam dan Jualan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM5.19 juta, terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM4.0 juta selain perubahan dalam wang tunai dan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM22.30 juta. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

Jadual 4.27

Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan Pada Tahun 2011 Dan 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	97.81	127.35	29.54	30.2
Perbelanjaan Mengurus	115.05	130.32	15.27	13.3
Perbelanjaan Pembangunan	63.52	63.87	0.35	0.6
Pindahan Ke Dalam Kumpulan Wang Pembangunan	29.02	30.98	1.96	6.8
Surplus/Defisit	-109.78	-97.82	11.96	10.9
Kurangan Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	-1.00	0.00	1.00	100.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	69.22	75.52	6.30	9.1
Perubahan Tunai dan Amanah	41.56	22.30	-19.26	-46.3
Jumlah	109.78	97.82	-11.96	-10.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman yang boleh dituntut daripada Agensi Negeri dan pelaburan. Manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan baki hutang awam Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan dan pelbagai liabiliti.

4.9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2012, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM2.32 juta atau 2.7% menjadi RM83.84 juta berbanding RM86.16 juta pada tahun 2011. Ia merupakan Pinjaman Boleh Dituntut yang dikeluarkan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs). PKENPs membuat pembayaran balik pinjaman berjumlah RM2.32 juta pada tahun semasa.

4.9.1.2. Analisis perbandingan bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan penurunan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2011 dan 2012 manakala peningkatan pada tahun 2009, sementara pada tahun 2010 tiada perubahan berlaku. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28

Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Agensi Negeri	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	39.42	87.42	87.42	86.16	83.84
2.	Yayasan Islam Perlis	1.47	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		40.89	87.42	87.42	86.16	83.84

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.2. Hutang Awam

4.9.2.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2012, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM0.67 juta atau 0.2% menjadi RM343.16 juta berbanding RM342.49 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan penerimaan pinjaman baru berjumlah RM6.13 juta dan pembayaran balik pinjaman berjumlah RM5.46 juta.

4.9.2.2. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM6.13 juta pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek Bekalan Air berjumlah RM2.13 juta dan pembinaan Istana Perlis berjumlah RM4.0 juta. Kerajaan Negeri membuat pembayaran balik hutang awamnya berjumlah RM8.43 juta, terdiri daripada RM5.46 juta untuk bayaran pokok dan RM2.97 juta untuk bayaran faedah pinjaman. Kedudukan baki hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29

Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding 2011

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Bekalan Air	142.11	144.23	2.12	1.5
2.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	115.09	112.54	-2.55	-2.2
3.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	74.49	71.59	-2.90	-3.9
4.	Sektor Pelbagai	10.80	14.80	4.00	37.0
Jumlah		342.49	343.16	0.67	0.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.2.3. Analisis perbandingan baki hutang awam menunjukkan peningkatan baki hutang awam Kerajaan Negeri pada tahun 2009, 2010 dan 2012 manakala menurun pada tahun 2011. Kedudukan baki hutang awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30

Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Sektor Bekalan Air	163.95	202.33	212.44	142.11	144.23
2.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	74.43	115.43	116.43	115.09	112.54
3.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	77.53	77.12	76.35	74.49	71.59
4.	Sektor Pelbagai	11.73	11.60	11.07	10.80	14.80
Jumlah		327.64	406.48	416.29	342.49	343.16

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.2.4. Tunggakan bayaran balik pinjaman, termasuk jumlah pokok dan faedah Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM14.59 juta atau 9.1% menjadi RM175.72 juta berbanding RM161.13 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri membuat pembayaran balik berjumlah RM8.43 juta atau 4.6% pada tahun semasa, berbanding RM184.15 juta jumlah yang sepatutnya dibayar balik. Analisis perbandingan baki tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan baki tunggakan pada tahun 2009, 2010 dan 2012 manakala menunjukkan penurunan pada tahun 2011. Kedudukan

baki tunggakan bayaran balik hutang awam bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31

Kedudukan Baki Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	33.08	84.89	90.05	93.38	97.87
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	32.90	39.31	44.90	48.14	50.55
3.	Sektor Bekalan Air	11.70	16.67	24.79	13.78	20.24
4.	Sektor Pelbagai	3.31	4.35	4.92	5.83	7.06
Jumlah		80.99	145.22	164.66	161.13	175.72

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

4.10.1. Akaun Belum Terima

4.10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) ditafsirkan sebagai sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri pada sesuatu ketika tetapi belum diterima berasaskan bil yang telah dikeluarkan. Garis Panduan bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima dijelaskan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008. Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab dikehendaki menyediakan Laporan ABT pada 30 Jun dan 31 Disember pada setiap tahun dan dikemukakan kepada Bendahari Negeri dengan sesalinan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya pada 31 Ogos dan 28 Februari tahun berikutnya. ABT Kerajaan Negeri yang utama terdiri daripada Tunggakan Hasil dan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman.

4.10.1.2. Tunggakan Hasil

- a. Tunggakan Hasil adalah hasil atau pendapatan yang berpunca dari hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang sepatutnya telah diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2012, tunggakan hasil Kerajaan Negeri telah kembali meningkat berjumlah RM0.52 juta atau 2.2% menjadi RM24.57 juta berbanding RM24.05 juta pada tahun 2011. Tunggakan hasil yang tertinggi disumbangkan oleh cukai tanah, jualan air serta sewaan dan jualan Perumahan

Awam Kos Rendah. Tunggakan hasil Kerajaan Negeri mengikut Jabatan pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah seperti di **Jadual 4.32**.


Jadual 4.32

Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Mengikut Jabatan Pada Tahun 2012 Berbanding 2011

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Tanah Dan Galian	9.50	10.58	1.08	11.4
2.	Pejabat SUK (Perumahan)	7.27	6.82	-0.45	-6.2
3.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	7.00	6.89	-0.11	-1.6
4.	Pejabat SUK (Unit Pentadbiran Daerah)	0.12	0.10	-0.02	-16.7
5.	Jabatan Pertanian	0.11	0.13	0.02	18.2
6.	Lain-lain Jabatan	0.05	0.05	0.00	0.00
Jumlah		24.05	24.57	0.52	2.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Analisis perbandingan tunggakan hasil bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan penurunan pada tahun 2009 dan 2011 manakala meningkat pada tahun 2010 dan 2012 adalah seperti di **Carta 4.8**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.10.1.3. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut merangkumi bayaran balik pinjaman yang matang tetapi belum diterima daripada Agensi Negeri. Pada tahun 2012, PKENPs sepatutnya membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM72.59 juta. Ia terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa berjumlah RM3.82 juta serta tunggakan bayaran balik pinjaman tahun sebelumnya berjumlah RM68.77 juta. Bagaimanapun, PKENPs hanya membuat pembayaran balik berjumlah RM2.32 juta menyebabkan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

meningkat kepada RM70.27 juta. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33

Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut Pada Tahun 2012

Bil.	Agensi Negeri	Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada 1.1.2012 (RM Juta)	Anuiti Tahun 2012 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Pada Tahun 2012 (RM Juta)	Jumlah Dijelaskan Pada Tahun 2012 (RM Juta)	Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada 31.12.2012 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	68.77	3.82	72.59	2.32	70.27

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Analisis perbandingan antara jumlah baki Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2012 berbanding 2011 mendapati prestasi pembayaran balik pinjaman oleh PKENPs adalah tidak memuaskan. PKENPs tidak membuat pembayaran balik pinjaman mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan mengakibatkan baki Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntutnya berjumlah RM83.84 juta manakala tunggakan bayaran balik pinjamannya berjumlah RM70.27 juta. Analisis perbandingan baki Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan baki tunggakan pada tahun 2009, 2010 dan 2012 manakala menurun pada tahun 2011. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34

Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Agensi Negeri	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	19.61	68.10	69.94	68.77	70.27
2.	Yayasan Islam Perlis	0.68	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		20.29	68.10	69.94	68.77	70.27

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.11.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2012 adalah kurang memuaskan. Pada tahun 2012, baki Kumpulan Wang Disatukan menurun RM9.79 juta atau 18.7% menjadi RM42.62 juta berbanding RM52.41 juta pada tahun 2011. Kutipan hasil pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM29.54 juta atau 30.2% menjadi RM127.35 juta manakala perbelanjaan mengurus termasuk pindahan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM17.23 juta atau 12.0% menjadi RM161.30 juta. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit

berjumlah RM33.95 juta berbanding defisit RM46.26 juta pada tahun 2011 menyebabkan Kumpulan Wang Terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat menjadi defisit RM207.29 juta.

4.11.2. Hutang Awam Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM0.67 juta atau 0.2% menjadi RM343.16 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM14.59 juta atau 9.1% menjadi RM175.72 juta berbanding RM161.13 juta pada tahun 2011. Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Negeri telah meningkat RM1.50 juta atau 2.2% menjadi RM70.27 juta.

4.11.3. Bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri hendaklah berusaha menuntut tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis yang berjumlah RM70.27 juta.



BAHAGIAN III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Perlis yang meliputi tempoh 5 tahun (2011-2015) mewakili fasa terakhir Visi Perlis Maju Tahun 2015. Melalui pelaksanaan projek baru dan sambungan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Perlis, RMKe-10 Negeri Perlis adalah seiring sebagai penggerak pembangunan Negeri Perlis. Sistem pemantauan yang cekap dan berkesan terhadap projek pembangunan ini adalah penting untuk menjamin pelaksanaan yang lancar dan dijalankan secara konsisten di semua peringkat. Penyelesaian yang cekap dan berkesan perlu ada bagi memastikan semua program dan projek pembangunan yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan.

5.2. Bagi menjayakan RMKe-10 Negeri Perlis, sejumlah RM511.90 juta siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun untuk melaksanakan 860 projek pembangunan. Setakat tahun 2012, Jabatan Kerja Raya menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM278.55 juta (54.4%) diikuti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM107.65 juta (21%) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM49.50 juta (9.7%). Siling peruntukan yang diluluskan dan bilangan projek pembangunan yang dirancang dilaksanakan dalam RMKe-10 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1

Siling Peruntukan Yang Diluluskan Dan Bilangan Projek Pembangunan Yang Dirancang Dilaksanakan Dalam RMKe-10

Bil.	Jabatan/Pejabat	Siling Peruntukan RMKe-10 (RM Juta)	Bil. Projek
1.	Jabatan Kerja Raya	278.55	100
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	107.65	320
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	49.50	120
4.	Jabatan Pertanian	34.00	60
5.	Jabatan Perhutanan	21.75	185
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	20.45	75
Jumlah		511.90	860

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.3. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Tahun 2012

Pada tahun 2012, peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM72.98 juta dan sejumlah RM63.87 juta atau 87.5% daripadanya telah dibelanjakan oleh 6 Jabatan/Pejabat. Lima daripada 6 Jabatan/Pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 93%. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-10 pada tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2**Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10 Pada Tahun 2012**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan Yang Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian Perbelanjaan (%)
1.	Jabatan Kerja Raya	32.70	24.20	74.0
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	16.91	16.59	98.1
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	10.05	10.05	100.0
4.	Jabatan Pertanian	6.95	6.93	99.7
5.	Jabatan Perhutanan	3.42	3.34	97.7
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2.95	2.76	93.6
Jumlah		72.98	63.87	87.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.4. Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10 Tahun 2012

5.4.1. Pada tahun 2012, sebanyak 141 projek pembangunan RMKe-10 telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 6 Jabatan/Pejabat. Sejumlah 107 projek telah dijalankan mengikut jadual/siap, 25 projek tidak dijalankan mengikut jadual manakala 9 projek lagi belum mula atau ditangguhkan. Status pencapaian pelaksanaan projek pembangunan RMKe-10 pada tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.


Jadual 5.3**Status Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10 Pada Tahun 2012**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Projek RMKe-10	Bil. Projek Tahun 2012	Projek Dijalankan Mengikut Jadual	Projek Tidak Dijalankan Mengikut Jadual	Projek Belum Mula/ Tangguh
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	320	44	31	10	3
2.	Jabatan Kerja Raya	100	12	8	2	2
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	120	11	8	3	-
4.	Jabatan Pertanian	60	15	12	2	1
5.	Jabatan Perhutanan	185	23	22	1	-
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	75	36	26	7	3
Jumlah		860	141	107	25	9

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 5.1

Status Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10 Pada Tahun 2012




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.4.2. Projek pembangunan terbesar yang belum mula/tangguh pada tahun 2012 adalah Pembinaan Pasar Borong dengan peruntukkan berjumlah RM2.00 juta di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Ia belum mula/ditangguhkan antaranya disebabkan masih di peringkat perancangan menyebabkan peruntukan kewangan sedia ada dipindahkan kepada projek lain yang lebih utama.

5.5. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian perbelanjaan pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-10 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 adalah baik kerana sejumlah RM63.87 juta atau 87.5% daripada RM72.98 juta peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan. Sebanyak 107 projek atau 75.9% daripada 141 projek yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2012 telah dijalankan mengikut jadual/siap, 25 projek tidak dijalankan mengikut jadual manakala 9 projek belum mula atau ditangguhkan.



BAHAGIAN IV

Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2012, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

7.1. Mesyuarat

7.1.1. Mesyuarat bersama Bendahari Negeri dengan Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bekalan Air) membincangkan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan jumlah tunggakan bil air.

7.1.2. Mesyuarat bersama Bendahari Negeri dengan Pembantu Tadbir (Kewangan) membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan kewangan dan penyelesaiannya.

7.2. Arahan Dikeluarkan Oleh Perbendaharaan/Bendahari Negeri

7.2.1. Surat Pekeliling Penutupan Akaun Bulanan 2012 yang menghendaki akaun bulanan ditutup mengikut tarikh ditetapkan.

7.2.2. Surat Pekeliling berkenaan tatacara dan peraturan permohonan Pendahuluan Diri dan Pendahuluan Pelbagai.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)** sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah Dan Deposit; serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.

8.2.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

8.3.1. Pengauditan telah dijalankan di 8 Jabatan/Agensi Negeri dengan memberi tumpuan terhadap 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit dan Pengurusan Aset. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri, Pengurusan Pinjaman, Pengurusan Pelaburan dan Pengurusan Penyata Kewangan turut juga dinilai.

8.3.2. Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan untuk setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2012 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2012 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2011 bagi menentukan pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 6 Jabatan/Agensi Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; dan Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a.** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan

Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 4 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan laporan dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

8.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Garis Panduan penyediaan cadangan anggaran hasil dan perbelanjaan tahun 2011 - 2012 dikeluarkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Perlis menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2010 bertarikh 11 Mei 2010. **Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan.** Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis.

Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemaskinikan dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/ penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeling/Surat Pekeling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.

- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau

syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

8.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/ Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu diselenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Laporan Awal dihantar.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan


Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di

Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2012 adalah bertambah baik berbanding tahun 2011 dan sebelumnya. Lima (5) Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit untuk kali kedua atau lebih, menunjukkan peningkatan pencapaian dalam pengurusan kewangannya manakala 3 Jabatan/Agensi Negeri didapati menurun. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mencapai tahap sangat baik manakala Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Jabatan Tanah Dan Galian, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis di tahap baik. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis walaupun berjaya meningkatkan tahap prestasi pengurusan kewangannya, tetapi masih di tahap memuaskan buat kali ke-6 berturut-turut. Tahap pencapaian pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2012 adalah seperti di **Carta 8.1** manakala kedudukan tahap pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 8.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tahun 2007 Hingga 2012


Tahap Penarafan	Jabatan/Agensi Negeri					
	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Sangat Baik	-	-	-	1	3	2
Baik	1	5	8	6	2	5
Memuaskan	6	4	4	3	1	1
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-
Jumlah	7	9	12	10	6	8

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Semakan Audit di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Tanah Dan Galian mendapati secara umumnya Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit pada tahap baik manakala Pengurusan Aset Dan Stor pada tahap memuaskan. Butiran pencapaian bagi 4 Jabatan/Pejabat ini adalah seperti di **Carta 8.2**.

Carta 8.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan
Bagi Jabatan Tahun 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2.2. Kelemahan yang ditemui berhubung Kawalan Pengurusan dan Pengurusan Aset Dan Stor adalah seperti berikut:

a. Kawalan Pengurusan

- i. Surat Rasmi tidak difailkan dengan sempurna.

- ii. Senarai Tugas tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan tiada tarikh ia berkuat kuasa.
- iii. Pembahagian / Pengasingan tugas tidak diwujudkan.
- iv. Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.

b. Pengurusan Aset Dan Stor

- i. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.
- ii. Laporan Aset tidak lengkap dan kemas kini.
- iii. Laporan Aset Dan Stor tidak disediakan.
- iv. Aset tidak diterima oleh Pegawai Penerima Aset.
- v. Aset tidak didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini.
- vi. Aset tidak dilabelkan.
- vii. Pemeriksaan terhadap aset dan stor tidak dilaksanakan.
- viii. Buku Log Kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- ix. Daftar Kad "*Touch 'n Go*" tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- x. Penyenggaraan aset tidak direkodkan.
- xi. Aset yang rosak tidak dibaiki / dilupuskan.

8.5.2.3. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri, semua kawalan utama adalah pada tahap sangat baik, kecuali Pengurusan Pinjaman pada tahap baik. Lima kawalan utama di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis pada tahap sangat baik/baik, 3 kawalan pada tahap memuaskan manakala Pengurusan Pelaburan pada tahap tidak memuaskan. Empat kawalan utama di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis pada tahap amat baik/baik, 2 kawalan pada tahap memuaskan manakala Kawalan Bajet pada tahap tidak memuaskan. Bagi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 4 kawalan utama pada tahap baik, 2 kawalan pada tahap memuaskan manakala Pengurusan Amanah Dan Deposit dan Pengurusan Aset Dan Stor pada tahap tidak memuaskan. Butiran pencapaian bagi 4 Jabatan/Agensi Negeri ini adalah seperti di **Carta 8.3**.

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi
Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Pada Tahun 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2.4. Kelemahan-kelemahan yang ditemui berhubung Kawalan Bajet, Pengurusan Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Pelaburan adalah seperti berikut:

a. Kawalan Bajet

- i. Bajet yang disediakan tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- ii. Bajet tidak disediakan berdasarkan input daripada bahagian/cawangan/unit.

b. Pengurusan Amanah Dan Deposit

- i. Kad Pendaftaran Kenderaan tidak dicap "Hak Milik Dituntut Oleh MAIPs".
- ii. Salinan sijil insurans komprehensif kenderaan tidak diperolehi daripada Peminjam.
- iii. Maklumat kelulusan pinjaman kenderaan dan komputer tidak direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.
- iv. Pendahuluan tidak didaftarkan dalam Buku Daftar Pendahuluan Pelbagai.
- v. Buku Daftar Cagaran Masjid tidak didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini.

c. Pengurusan Aset Dan Stor


- i. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak bermesyuarat mengikut bilangan dan masa ditetapkan.
- ii. Unit Pengurusan Aset tidak diwujudkan.
- iii. Aset tidak didaftarkan dan dilabelkan.
- iv. Aset diterima oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.
- v. Buku Log Kenderaan dan Daftar Penggunaan Kad "*Touch 'n Go*" tidak diselenggarakan, tidak lengkap dan tidak kemas kini.
- vi. Pemeriksaan Aset tidak dijalankan.
- vii. Verifikasi Stor tidak dijalankan.
- viii. Daftar Harta Modal tidak diselenggarakan, tidak lengkap dan tidak kemas kini.
- ix. Aset yang rosak tidak dibuat pelupusan.

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Analisis Audit terhadap 8 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tempoh 2007 hingga 2011, mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan bagi kesemua Jabatan/Agensi Negeri menunjukkan sedikit peningkatan. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencapai tahap sangat baik bagi tahun 2011 dan 2012. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis berjaya mencatatkan tahap baik pada tahun 2011 berbanding tahap memuaskan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) masih kekal pada tahap memuaskan bagi tahun ke-6 berturut-turut. Antara punca MAIPs gagal memperoleh tahap prestasi baik disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak mengambil tindakan pembetulan terhadap ketidakpatuhan yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 8.4**.

Carta 8.4

Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2012 Berbanding Tahun Pengauditan Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang telah dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk

menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, pada tahun 2012 Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 6 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang dijalankan di 6 Jabatan/Agensi Negeri mendapati secara keseluruhannya, kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 8.3**. Ketua Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri berkenaan telah memaklumkan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan.

Jadual 8.3
Pemeriksaan Audit Mengejut Pada Tahun 2012

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penemuan Audit
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	i. Resit Rasmi tidak direkodkan dalam Buku Tunai. ii. Buku Tunai dan Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. iii. Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan pada setiap bulan.
2.	Majlis Sukan Negeri Perlis	i. Resit Rasmi tidak direkodkan dalam Buku Tunai. ii. Buku Tunai dan Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. iii. Kebenaran untuk menerima wang tidak dikeluarkan secara bertulis. iv. Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan pada setiap bulan. v. Daftar Pembayaran Bagi Wang Untuk Dibahagi-bahagikan tidak diselenggarakan. vi. Daftar Pelaburan tidak diselenggarakan.
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	i. Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan pada setiap bulan. ii. Daftar Pembayaran Bagi Wang Untuk Dibahagi-bahagikan tidak diperiksa setiap bulan oleh Ketua Jabatan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.7. SYOR AUDIT

Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2012 adalah bertambah baik dari tahun sebelumnya, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:


8.7.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan pembetulan adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

8.7.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sewajarnya mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

8.7.3. Penglibatan dan penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.

8.7.4. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

8.7.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



BAHAGIAN V

**Penyerahan, Pengesahan,
Pembentangan Penyata Kewangan
Dan Prestasi Kewangan
Agensi Negeri**

BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

9. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri seperti Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang ketara serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan.

9.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

9.1.1. Pada tahun 2012, Penyata Kewangan bagi satu Badan Berkanun Negeri, dua Kumpulan Wang dan satu Majlis Agama Islam telah diaudit sendiri oleh Jabatan Audit Negara, manakala 3 Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan satu Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Pelantikan FAS berasaskan kepada peruntukan Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak yang berkebolehan menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

9.1.2. Bagi memastikan FAS menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, FAS dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan FAS mempunyai pendekatan dan skop Audit yang menyeluruh dan mencukupi untuk menjalankan pengauditan. Di akhir pengauditan, FAS dikehendaki mengemukakan penemuan Audit berserta fail kertas kerja, senarai terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kertas kerja akan disemak bagi memastikan perkara yang dibangkitkan mempunyai bukti audit yang mencukupi dan memuaskan. Prestasi FAS akan dinilai dan diambil kira semasa membuat keputusan untuk ditawarkan bagi kerja pengauditan penyata kewangan seterusnya.

9.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

9.2.1. Semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Pada bulan Januari 2009, Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah dikeluarkan, meminta semua Agensi Negeri membentangkan Penyata Kewangan yang telah diaudit dalam Dewan Undangan Negeri pada tahun berikutnya. Bagi memastikan ia terlaksana, Penyata

Kewangan hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara sebelum 30 April tahun berikutnya.

9.2.2. Sehingga 30 Jun 2013, kesemua Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Majlis Perbandaran Kangar kecuali Yayasan Islam Perlis telah mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2012 kepada Jabatan Audit Negara untuk tujuan pengauditan. Kedudukan penyerahan dan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dan Kumpulan Wang pada 30 Jun 2013 adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan
Penyata Kewangan Agensi Negeri Dan Kumpulan Wang Sehingga 30 Jun 2013

Bil.	Agensi Negeri/Kumpulan Wang	Tahun	Tarikh Penyerahan
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2012	29.4.2013
2.	Majlis Sukan Negeri Perlis	2012	29.4.2013
3.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2012	29.4.2013
4.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2012	29.4.2013
5.	Majlis Perbandaran Kangar	2012	29.4.2013
6.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2012	30.4.2013
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2012	30.4.2013
8.	Yayasan Islam Perlis	2012	BT

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: BT- Belum Terima

9.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

9.3.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi dibuat oleh Jabatan Audit Negara bagi memberi pendapat sama ada ia telah disediakan dengan benar dan saksama. Semua rekod perakaunan yang berkaitan telah diperiksa bagi memastikan ia telah diselenggarakan dengan baik dan kemas kini. Pendapat Audit yang dikeluarkan telah dizahirkan melalui sijil Ketua Audit Negara. Selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan, sijil tersebut dibahagikan kepada 4 jenis seperti berikut:

9.3.1.1. Sijil Tanpa Teguran (*Unqualified*) dikeluarkan apabila Penyata Kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama;

9.3.1.2. Sijil Berteguran (*Qualified*) dikeluarkan apabila kesan sebarang perbezaan pendapat dengan pengurusan atau kekangan terhadap skop adalah tidak begitu penting dan menyeluruh untuk mengeluarkan Sijil Bertentangan atau Sijil Penafian;

9.3.1.3. Sijil Bertentangan (*Adverse*) dikeluarkan apabila kesan perbezaan pendapat adalah ketara dan menyeluruh terhadap Penyata Kewangan dan mewujudkan kekeliruan ataupun ketidaksempurnaan Penyata Kewangan; dan

9.3.1.4. Sijil Penafian (*Disclaimer*) dikeluarkan apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan terhadap skop adalah ketara dan menyeluruh menyebabkan bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan.

9.3.2. Bagi 8 Penyata Kewangan Agensi Negeri tahun 2011 yang telah diperiksa, 4 Agensi mendapat Sijil Tanpa Teguran. Manakala 4 Agensi lagi mendapat Sijil Berteguran. Maklumat lengkap mengenai sijil yang dikeluarkan kepada Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2

Jenis Sijil Ketua Audit Negara Yang Dikeluarkan Sehingga 30 Jun 2013

Bil.	Agensi Negeri/Kumpulan Wang	Tahun Akaun	Jenis Sijil KAN
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2011	Tanpa Teguran
2.	Majlis Sukan Negeri Perlis	2011	Tanpa Teguran
3.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2011	Tanpa Teguran
4.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2011	Tanpa Teguran
5.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2011	Berteguran
6.	Yayasan Islam Perlis	2011	Berteguran
7.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2011	Berteguran
8.	Majlis Perbandaran Kangar	2011	Berteguran

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.3.3. Isu-isu dalam Sijil Berteguran antaranya adalah seperti berikut:

9.3.3.1. Perbezaan amaun terhutang oleh dan kepada Syarikat Subsidiari berjumlah RM0.98 juta dan RM5.53 juta tidak disediakan penyata penyesuaian;

9.3.3.2. Perbezaan baki bank dan Buku Tunai berjumlah RM1.37 juta dalam item Penyata Penyesuaian Bank tiada butiran terperinci;

9.3.3.3. Penyata Kewangan yang disediakan tidak disatukan dengan Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu;

9.3.3.4. Hutang Tertunggak berjumlah RM10.98 juta tidak disediakan Peruntukan Hutang Ragu; dan

9.3.3.5. Lain-lain Terimaan berjumlah RM0.43 juta tidak mempunyai dokumen sokongan.

9.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 30 Jun 2013, semua Penyata Kewangan Tahun 2011

yang telah disahkan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri, kecuali Yayasan Islam Perlis bagi Penyata Kewangan Tahun 2009, 2010 dan 2011. Kedudukan pembentangan Penyata Kewangan yang telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3

Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Yang Telah Dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara Di Dewan Undangan Negeri Sehingga 30 Jun 2013

Bil.	Agensi Negeri/Kumpulan Wang	Tahun	Tarikh Pembentangan Di Dewan Undangan Negeri
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2011	05.12.2012
2.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2011	05.12.2012
3.	Yayasan Islam Perlis	2009 2010 2011	Belum Dibentangkan Belum Dibentangkan Belum Dibentangkan
4.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2011	06.09.2012
5.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2011	06.09.2012
6.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2011	05.12.2012
7.	Majlis Perbandaran Kangar	2011	06.09.2012

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan operasi dilaporkan seperti berikut:

9.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Agensi Negeri

9.5.1.1. Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Dan Kumpulan Wang adalah berdasarkan kepada 5 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2012. Yayasan Islam Perlis masih belum menghantarkan Penyata Kewangan Tahun 2012 untuk diaudit. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Agensi Negeri pada tahun 2012 yang telah dikemukakan kepada jabatan Audit Negara untuk tujuan pengauditan adalah bertambah baik berbanding 2011. Pada tahun 2012, Lebihan Pendapatan Berkumpul meningkat sejumlah RM96.40 juta atau 380.0%, Lebihan Aset meningkat sejumlah RM97.48 juta atau 389.3%, Liabiliti Semasa Bersih menurun sejumlah RM84.46 juta atau 93.4% manakala Lebihan Pendapatan Semasa atau Keuntungan Tahun Semasa meningkat sejumlah RM92.60 juta atau 2,436.8% berbanding tahun 2011. Prestasi kewangan Agensi Negeri pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4**Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pada Tahun 2011 Dan 2012**

Bil.	Perkara	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Berkumpul	25.37	121.77	96.40	380.0
2.	Lebihan Aset	25.04	122.52	97.48	389.3
3.	Aset/(Liabiliti) Semasa Bersih	-90.43	-5.97	84.46	93.4
4.	Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Semasa	3.80	96.40	92.60	2,436.8

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

9.5.1.2. Pada tahun 2012, Agensi Negeri mencatatkan surplus pendapatan berjumlah RM96.40 juta setelah mengambil kira pendapatan berjumlah RM122.65 juta dan RM26.25 juta bagi perbelanjaan. Bagaimanapun, Agensi Negeri mencatatkan Liabiliti Semasa Bersih berjumlah RM5.97 juta, setelah mengambil kira Aset Semasa berjumlah RM80.61 juta manakala Liabiliti Semasa berjumlah RM86.58 juta. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) mencatatkan surplus pendapatan tertinggi iaitu berjumlah RM96.08 juta dan Liabiliti Semasa Bersih tertinggi berjumlah RM12.43 juta. Prestasi kewangan Agensi Negeri bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012 adalah seperti di **Jadual 9.5**.

Jadual 9.5**Prestasi Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012**


Bil.	Agensi Negeri	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2012		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	119.64	23.56	96.08	72.04	84.47	-12.43
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2.20	1.80	0.40	2.13	2.08	0.05
3.	Majlis Sukan Negeri Perlis	0.62	0.87	-0.25	0.03	0.01	0.02
4.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	0.18	0.02	0.16	5.83	0.02	5.81
5.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	0.01	0.00	0.01	0.58	0.00	0.58
Jumlah		122.65	26.25	96.40	80.61	86.58	-5.97

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

9.5.1.3. Analisis Pendapatan

Pada tahun 2012, pendapatan Agensi Negeri meningkat RM99.40 juta atau 427.5% menjadi RM122.65 juta berbanding RM23.25 juta pada tahun 2011. Pendapatan janaan sendiri berjumlah RM113.85 juta manakala terimaan geran/bantuan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berjumlah RM8.80 juta. Terimaan geran ini

digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan Agensi Negeri. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima oleh Agensi Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 9.1**.



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

a. Analisis Geran Mengurus

- i. Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan Negeri/Persekutuan kepada Agensi Negeri sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ia termasuk untuk membiayai perbelanjaan emolumen pegawai serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran. Pada tahun 2012, geran mengurus yang diterima oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) dan Majlis Sukan Negeri Perlis (MSNPs) berjumlah RM2.77 juta, berkurangan sejumlah RM0.11 juta atau 3.8% berbanding RM2.88 juta pada tahun 2011.
- ii. Analisis Audit mendapati geran yang diterima PPANPs menurun sejumlah RM0.03 juta atau 1.4% menjadi RM2.16 juta manakala MSNPs berjumlah RM0.08 juta atau 11.6% menjadi RM0.61 juta berbanding yang diterima pada tahun 2011. Terimaan geran mengurus yang diterima oleh Agensi Negeri pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6**Geran Mengurus Diterima Oleh Agensi Negeri Pada Tahun 2011 Dan 2012**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Penurunan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2.19	2.16	-0.03	-1.4
2.	Majlis Sukan Negeri Perlis	0.69	0.61	-0.08	-11.6
Jumlah		2.88	2.77	-0.11	-3.8

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

b. Analisis Geran Pembangunan

Pada tahun 2012, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan geran berjumlah RM6.03 juta kepada PKENPs untuk membiayai projek pembangunannya, berbanding RM8.13 juta pada tahun 2011.

9.5.1.4. Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan

Pada tahun 2012, Agensi Negeri merekodkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan berjumlah RM96.40 juta, peningkatan berjumlah RM92.60 juta atau 2436.8% berbanding RM3.80 juta pada tahun 2011. Agensi Negeri yang menyumbang kepada peningkatan lebihan pendapatan tertinggi pada tahun 2011 dan 2012 adalah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri iaitu seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7**Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan Agensi Negeri Pada Tahun 2011 Dan 2012**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Peningkatan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	3.54	96.08	92.54	2614.1
Jumlah		3.54	96.08	92.54	2614.1

Sumber: Penyata Kewangan PKENPs

9.5.1.5. Analisis Kumpulan Wang Berkumpul

Kumpulan Wang Berkumpul Agensi Negeri pada tahun 2012 berjumlah RM151.44 juta, peningkatan sejumlah RM97.81 juta atau 182.4% berbanding RM53.63 juta pada tahun 2011. Kumpulan Wang Berkumpul terdiri daripada Rizab Modal, Keuntungan/Kerugian Berkumpul dan Terimaan Geran Kerajaan. Kumpulan Wang Berkumpul ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Analisis Audit mendapati peningkatan Kumpulan Wang Berkumpul Agensi Negeri pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 disebabkan peningkatan Keuntungan Berkumpul PKENPs berjumlah RM96.08 juta. Agensi Negeri yang mencatatkan peningkatan tertinggi dalam Kumpulan Wang Berkumpul pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah seperti di **Jadual 9.8**.


Jadual 9.8**Kumpulan Wang Terkumpul Agensi Negeri Pada Tahun 2011 Dan 2012**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Peningkatan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	44.94	141.35	96.41	214.5
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2.39	3.87	1.48	61.9

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

9.5.1.6. Analisis Aset

Pada tahun 2012, Agensi Negeri merekodkan aset berjumlah RM268.78 juta, penurunan sejumlah RM6.29 juta atau 2.3% berbanding RM275.07 juta pada tahun 2011. Aset Tetap berjumlah RM188.17 juta manakala Aset Semasa berjumlah RM80.61 juta. PKENPs mencatatkan penurunan paling ketara dalam jumlah asetnya iaitu berjumlah RM8.38 juta atau 3.2% menjadi RM255.83 juta berbanding RM264.21 juta pada tahun 2011. Jumlah aset Agensi Negeri yang utama pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Carta 9.2**.




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

9.5.1.7. Analisis Pelaburan

Pada tahun 2012, pelaburan PKENPs berjumlah RM120.70 juta, peningkatan sejumlah RM5.34 juta atau 4.6% berbanding RM115.36 juta pada tahun 2011. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, syarikat usaha sama dan hartanah seperti di **Carta 9.3**. PKENPs telah meningkatkan pelaburan hartanahnya berjumlah RM5.34 juta atau 5.4% menjadi RM104.74 juta berbanding RM99.40 juta pada tahun 2011.

Carta 9.3
Jenis Pelaburan PKENPs Pada Tahun 2012



Sumber: Penyata Kewangan PKENPs

9.5.1.8. Analisis Liabiliti

Pada tahun 2012, liabiliti Agensi Negeri menurun sejumlah RM103.78 juta atau 41.5% menjadi RM146.26 juta berbanding RM250.04 juta pada tahun 2011. PKENPs mencatatkan penurunan jumlah liabiliti yang tertinggi iaitu RM104.47 juta atau 42.0% menjadi RM144.15 juta berbanding RM248.62 juta pada tahun 2011. Penurunan ini disebabkan penyelesaian penuh hutang oleh PKENPs dengan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang berjumlah RM97.11 juta melalui bayaran berjumlah RM5.00 juta sahaja. Jumlah liabiliti Agensi Negeri pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9
Jumlah Liabiliti Agensi Negeri Pada Tahun 2011 Dan 2012

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	248.62	144.15	-104.47	42.0
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	1.39	2.08	0.69	-49.6
3.	Majlis Sukan Negeri Perlis	0.02	0.01	-0.01	50.0
4.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Basiswa Negeri Perlis	0.01	0.02	0.01	100.0
5.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	-	-	-	-
Jumlah		250.04	146.26	-103.78	-41.5

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

9.5.1.9. Analisis Nisbah

Nisbah Hutang mengukur peratus dana dari sumber pinjaman, overdraf bank, pendahuluan dan pemiutang untuk membiayai aktiviti Agensi Negeri berbanding Aset

Semasa. Analisis Audit mendapati Nisbah Hutang Semasa PKENPs pada kadar 117.3% manakala PPANPs pada kadar 97.7%. PKENPs dan MSNPs didapati mempunyai kurangan Aliran Tunai Bersih berjumlah RM1.02 juta manakala PKENPs mempunyai Nisbah Cepat kurang daripada 1 yang memberi gambaran tidak mampu melunaskan kesemua tanggungan semasanya dalam tempoh masa singkat. Analisis Audit juga mendapati PKENPs mempunyai Modal Kerja berbaki negatif yang menggambarkan jumlah Tanggungan Semasa melebihi Aset Semasa. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan mendapati PKENPs, PPANPs dan MSNPs menunjukkan prestasi kewangan yang berisiko disebabkan merekodkan Modal Kerja berbaki negatif dan/atau Nisbah Hutang lebih daripada 50%. Kedudukan analisis nisbah Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 9.10**.

Jadual 9.10

Analisis Kecairan Dan Kestabilan Agensi Negeri Pada Tahun 2012

Bil.	Agensi Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	0.9	0.9	-12.43	-0.97	117.3
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	1.0	1.0	0.05	1.84	97.7
3.	Majlis Sukan Negeri Perlis	3.0	3.0	0.02	-0.05	33.3
4.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	291.5	291.5	5.81	0.07	0.3
5.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	580.0	580.0	0.58	0.00	0.2

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

9.5.2. Prestasi Anak Syarikat Agensi Negeri

9.5.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2012, pelaburan PKENPs dalam syarikat berjumlah RM14.28 juta. Tiada pertambahan atau pengurangan pelaburan dalam tahun semasa. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama adalah seperti di **Jadual 9.11**.

Jadual 9.11

Analisis Pelaburan Pada Kos Dalam Anak Syarikat, Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha sama Oleh PKENPs Pada Tahun 2012

Perkara	PKENPs
Bilangan Anak Syarikat (pelaburan > 50%)	14
Bilangan Syarikat Bersekutu (pelaburan < 50%)	5
Bilangan Syarikat usaha sama (pelaburan = 50%)	1
Jumlah Syarikat	20
Tambahan Pelaburan Pada Tahun 2012 (RM Juta)	0.00
Jumlah Pelaburan Keseluruhan (RM Juta)	14.28

Sumber: Penyata Kewangan PKENPs

9.5.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati PKENPs telah melabur dalam 14 anak syarikat di mana 11 anak syarikat berstatus aktif manakala 3 berstatus dormant adalah seperti di **Jadual 9.12**.

Jadual 9.12

Bilangan Anak Syarikat PKENPs Yang Aktif Dan Dormant Pada Tahun 2012

Bil.	Agensi Negeri	Bilangan Anak Syarikat (Ekuiti lebih daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dormant	Jumlah Anak Syarikat
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	11	3	14
Jumlah		11	3	14

Sumber: Penyata Kewangan PKENPs

9.5.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

- a. Analisis keuntungan/kerugian adalah dibuat terhadap kesemua Penyata Kewangan Tahun 2012 anak syarikat yang telah diterima kecuali Penyata Kewangan Syarikat Terinai Sdn. Bhd. yang belum disiapkan. Pada tahun 2012, sebanyak 6 anak syarikat PKENPs yang aktif telah mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM20.60 juta manakala 4 anak syarikat mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM22.75 juta. Anak syarikat yang mencatatkan keuntungan terkumpul tertinggi ialah Pens Industries Sdn. Bhd. berjumlah RM16.55 juta dan Perlis Comm. Sdn. Bhd. berjumlah RM1.94 juta manakala anak syarikat yang mencatatkan kerugian tertinggi pula ialah Pens Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM13.72 juta dan Perlis Marine Engineering Sdn. Bhd. berjumlah RM6.03 juta. Analisis keuntungan dan kerugian terkumpul anak syarikat PKENPs bagi tahun kewangan 2012 adalah seperti di **Jadual 9.13**.

Jadual 9.13

Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Anak Syarikat PKENPs Bagi Tahun Kewangan 2012

Bil.	Agensi Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan/ (Kerugian) Bersih (RM Juta)
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	6	20.60	4	-22.75	-2.15
Jumlah		6	20.60	4	-22.75	-2.15

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat PKENPs

- b. Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah PKENPs hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam syarikat yang berstatus dormant dan menghadapi kerugian terkumpul. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat sentiasa berdaya maju dan pelaburan dalam syarikat tersebut dapat memberi pulangan. Terma rujukan pinjaman anak syarikat hendaklah jelas dengan menyatakan tempoh masa bayaran balik kepada PKENPs.

9.5.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

9.5.3.1. Pada tahun 2012, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) mencatatkan surplus bagi Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan berjumlah RM4.89 juta berbanding defisit RM3.19 juta pada tahun 2011. MPK merekodkan perolehan berjumlah RM24.94 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM20.05 juta. Surplus ini disebabkan peningkatan kutipan Cukai Harta Benda Kerajaan berjumlah RM2.47 juta menjadi RM2.77 juta berbanding RM0.30 juta pada tahun 2011, selain pengurangan dalam perbelanjaan bagi Perkhidmatan Yang Dibeli berjumlah RM4.24 juta. Pendapatan utama MPK pada tahun 2012 diperoleh daripada kutipan Cukai Taksiran berjumlah RM9.60 juta serta terimaan bantuan tahunan dan geran daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berjumlah RM6.16 juta. Perbelanjaan utama MPK pula terdiri daripada Emolumen berjumlah RM8.25 juta, Penyenggaraan Kemudahan dan Perkhidmatan Yang Dibeli berjumlah RM4.63 juta serta Utiliti berjumlah RM2.93 juta. Aset Semasa Bersih MPK telah meningkat sejumlah RM4.97 juta atau 39.8% menjadi RM17.47 juta berbanding RM12.50 juta pada tahun 2011. Prestasi kewangan MPK pada tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 9.14**.

Jadual 9.14

Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Sehingga 31.12.2012			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2012		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/Defisit	Aset Semasa	Tanggungan Semasa	Aset Bersih Semasa
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kangar	24.94	20.05	4.89	25.39	7.92	17.47

Sumber: Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kangar

9.5.3.2. Analisis Tunggakan Cukai Taksiran

- Tunggakan Cukai Taksiran dan Cukai Perkhidmatan MPK telah meningkat sejumlah RM0.31 juta atau 2.2% menjadi RM14.11 juta pada tahun 2012 berbanding RM13.80 juta pada tahun 2011. Tunggakan Cukai Taksiran dan Cukai Perkhidmatan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 9.15**.

Jadual 9.15

Tunggakan Cukai Taksiran Dan Cukai Perkhidmatan

Majlis Perbandaran Kangar Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Tunggakan Cukai	16.37	13.68	14.16	13.80	14.11

Sumber: Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kangar

- MPK telah berusaha untuk mengurangkan jumlah tunggakan tersebut dengan mengambil tindakan undang-undang dan menghantar notis saman. Kerjasama dengan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perlis juga dibuat dengan melaksanakan tindakan kaveat pegangan yang terlibat. Ketiadaan kesedaran dan rasa

tanggungjawab untuk membayar cukai serta peningkatan dalam jumlah premis antara faktor yang mendorong jumlah tunggakan Cukai Taksiran dan Cukai Perkhidmatan meningkat. Usaha yang diambil oleh MPK perlu terus digiatkan bagi mengurangkan jumlah tunggakan cukai.

9.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT


Pada keseluruhannya, penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2012 oleh Agensi Negeri kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit adalah baik, kecuali Yayasan Islam Perlis yang masih belum menyediakannya. Semua Agensi Negeri telah membentangkan Penyata Kewangan yang telah diaudit oleh Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri, kecuali Yayasan Islam Perlis yang masih belum berbuat demikian bagi Penyata Kewangan Tahun 2009 hingga 2011. Prestasi kewangan Agensi Negeri pada tahun 2012 adalah baik. Lima (5) daripada 6 Agensi Negeri termasuk Majlis Perbandaran Kangar mencatatkan surplus dalam Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahun 2012. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis mencatatkan surplus tertinggi berjumlah RM96.08 juta, diikuti MPK berjumlah RM4.89 juta dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis berjumlah RM0.40 juta. Hanya Majlis Sukan Negeri Perlis yang mencatatkan defisit iaitu berjumlah RM0.25 juta. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis tidak mampu untuk menjelaskan kesemua Tanggungan Semasanya dalam tempoh terdekat kerana mencatatkan Liabiliti Semasa Bersih berjumlah RM12.43 juta. Bagi meningkatkan pengurusan dan prestasi kewangan Agensi Negeri, berikut adalah syor Audit untuk pertimbangan:

9.6.1. Kerajaan Negeri hendaklah memantau bagi memastikan Agensi Negeri menyerahkan Penyata Kewangan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit sebelum 30 April tahun berikutnya dan seterusnya dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri setelah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara.

9.6.2. Agensi Negeri yang menerima Sijil Berteguran perlu mengambil tindakan untuk memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

9.6.3. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis hendaklah berusaha meningkatkan prestasi kewangannya dengan mempelbagaikan aktiviti ekonominya bagi membolehkan ia melunaskan tunggakan bayaran balik pinjaman.

9.6.4. Majlis Perbandaran Kangar hendaklah mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil dan menimbang langkah yang berkesan bagi mengurangkan tunggakan cukai.



BAHAGIAN VI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

10. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Menurut Seksyen 16(2), Akta Tatacara Kewangan 1957, Penyata Kewangan hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang boleh selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2), Perlembagaan Persekutuan pula menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Akaun Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perlis Tahun 2011 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 5 Disember 2012.

11. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI


Bagi tempoh bulan Januari 2012 hingga April 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) hanya bermesyuarat sekali iaitu pada 19 Januari 2012. Perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1

Perkara Yang Dibincangkan Dalam Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis

Tarikh	Perkara Yang Dibincangkan	Jabatan / Agensi Negeri
19.01.2012	Chalet siap dibina di Kurong Tengar, Kuala Perlis tidak digunakan serta beberapa kelemahan pembinaan dan pengurusan.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perlis
	Operasi dan pengurusan kewangan Syarikat.	Kota Kangar Sdn. Bhd.

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP


Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2012 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2011 kerana Jabatan/Agensi Negeri telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem pemantauan berterusan, menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecakapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

26 Julai 2013



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2012; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

**Putrajaya
30 April 2013**





**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting.
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2012.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2012.

ROMLI BIN DAI
Pegawai Kewangan Negeri Perlis
23 Januari 2013

ROHANI BINTI CHE MIE
Bendahari Negeri Perlis
23 Januari 2013

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2012

		<u>2012</u>	<u>2011</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	42,624,004.11	52,414,428.35
PELABURAN	4	0.00	0.00
		42,624,004.11	52,414,428.35
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(207,286,450.74)	(173,338,436.79)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	249,910,454.85	225,752,865.14
		42,624,004.11	52,414,428.35

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

PERLIS

	2012		2011	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
TERIMAAN				
HASIL				
Hasil Cukai	12,492,926.02		13,164,311.32	
Hasil Bukan Cukai	47,613,035.87		37,547,813.82	
Terimaan Bukan Hasil	67,240,293.58		47,095,907.38	
		127,346,255.47		97,808,032.52
PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	6,134,790.00		4,789,427.00	
		6,134,790.00		4,789,427.00
TERIMAAN MODAL				
Pelbagai Terimaan Modal	40,539,738.82		40,201,570.58	
Jualan Instrumen Kewangan	0.00		0.00	
		40,539,738.82		40,201,570.58
TERIMAAN LAIN				
Terimaan Amanah	12,507,323.31		61,942,529.96	
		12,507,323.31		61,942,529.96
JUMLAH TERIMAAN		186,528,107.60		204,741,560.06
BAYARAN				
PERBELANJAAN MENURUS				
Emolumen	(38,231,617.76)		(34,900,496.46)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(46,384,187.17)		(40,437,059.88)	
Aset	(3,232,390.81)		(2,080,562.60)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(33,485,168.47)		(30,882,013.56)	
Perbelanjaan Lain	(553,466.50)		(398,007.04)	
		(121,886,830.71)		(108,698,139.54)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN				
Langsung	(58,105,414.12)		(59,518,193.39)	
Pinjaman	(5,764,408.30)		(4,000,000.00)	
		(63,869,822.42)		(63,518,193.39)
PERBELANJAAN MODAL				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	0.00		0.00	
		0.00		0.00
BAYARAN BALIK PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	(8,427,088.71)		(6,354,414.97)	
Pinjaman Kepada Agensi	(2,134,790.00)		(5,789,427.00)	
		(10,561,878.71)		(12,143,841.97)
BAYARAN LAIN				
Bayaran Amanah	0.00		0.00	
		0.00		0.00
JUMLAH BAYARAN		(196,318,531.84)		(184,360,174.90)
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai		(9,790,424.24)		20,381,385.16
Wangtunai Pada, 31 Disember 2011		52,414,428.35		32,033,043.19
Wangtunai Pada, 31 Disember 2012		42,624,004.11		52,414,428.35

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

		<u>2012</u>		<u>2011</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	73,660,800.00	127,346,255.47	97,808,032.52
<u>Totak :</u>				
Belanja Mengurus	5	195,866,583.15	161,294,269.42	144,067,734.51
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(122,205,783.15)	(33,948,013.95)	(46,259,701.99)
<u>Totak :</u>				
Belanja Pembangunan	7	72,980,380.00	63,869,822.42	63,518,193.39
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(195,186,163.15)	(97,817,836.37)	(109,777,895.38)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri	6		0.00	(1,000,000.00)
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		75,520,088.82	69,216,750.58
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		22,297,747.55	41,561,144.80
JUMLAH PEMBIAYAAN			97,817,836.37	109,777,895.38

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2012

		<u>2012</u>	<u>2011</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		83,839,187.77	86,163,296.19
Pelaburan		0.00	0.00
MEMORANDUM LIABILITY	9		
Hutang Awam		343,156,344.63	342,495,142.10

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012**

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusan niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :-

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 RM	2011 RM
Wang Tunai Dalam Bank	42,314,415.81	52,252,760.42
Wang Tunai Dalam Perjalanan	302,991.51	151,417.93
Wang Tunai Dalam Tangan	6,596.79	10,250.00
JUMLAH WANG TUNAI	42,624,004.11	52,414,428.35

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Am yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM 21,000,000.00 telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS.

Pelaburan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 Nilai Buku		2011 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Deposit Dalam Negeri	0.00	0.00	0.00	0.00
Pelbagai	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah</i>	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH PELABURAN	0.00		0.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	2012			2011	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		(173,338,436.79)		(127,078,734.80)	
HASIL					
Hasil Cukai	15,511,010.00	12,492,926.02	80.54	13,164,311.32	112.44
Hasil Bukan Cukai	38,069,510.00	47,613,035.87	125.07	37,547,813.82	92.76
Terimaan Bukan Hasil	20,080,280.00	67,240,293.58	334.86	47,095,907.38	127.70
<i>Jumlah Hasil</i>	73,660,800.00	127,346,255.47	172.88	97,808,032.52	109.82
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	38,587,508.91	38,231,617.76	99.08	34,900,496.46	97.37
Perkhidmatan dan Bekalan	48,144,968.29	46,384,187.17	96.34	40,437,059.88	95.06
Aset	3,277,524.95	3,232,390.81	98.62	2,080,562.60	96.60
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	74,309,105.00	41,912,257.18	56.40	37,236,428.53	51.80
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	567,126.00	553,466.50	97.59	398,007.04	96.55
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	164,886,233.15	130,313,919.42	79.03	115,052,554.51	75.28
<i>Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	30,980,350.00	30,980,350.00	100.00	29,015,180.00	100.00
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	195,866,583.15	161,294,269.42	82.35	144,067,734.51	79.22
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		(33,948,013.95)		(46,259,701.99)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(207,286,450.74)		(173,338,436.79)	

Nota : (**) - Tidak termasuk peruntukan untuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	2012				2011	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	12,750,000.00	12,750,000.00	9,954,605.43	78.08	10,576,525.11	118.17
Cukai Parit Dan Talieir	750,000.00	750,000.00	704,081.30	93.88	714,644.70	84.08
Cukai Keluaran Hutan	2,011,000.00	2,011,000.00	1,834,239.29	91.21	1,873,141.51	98.17
Cukai Hiburan	10.00	10.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	15,511,010.00	15,511,010.00	12,492,926.02	80.54	13,164,311.32	112.44

(disambung)

Perihal	2012				2011	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	7,638,380.00	7,638,380.00	5,663,818.72	74.15	6,031,747.02	50.88
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	1,788,410.00	1,788,410.00	4,598,239.14	257.11	3,143,754.63	163.20
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	24,556,270.00	24,556,270.00	30,474,383.06	124.10	25,710,980.35	113.90
Sewaan	2,780,860.00	2,780,860.00	5,110,660.21	183.78	1,185,149.58	41.46
Keuntungan Pembiayaan						
Dan Perolehan Pelaburan	766,060.00	766,060.00	1,448,124.74	189.04	1,230,835.24	160.46
Denda dan Hukuman	539,530.00	539,530.00	317,810.00	58.90	245,347.00	49.51
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	38,069,510.00	38,069,510.00	47,613,035.87	125.07	37,547,813.82	92.76
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	79,220.00	79,220.00	1,281,226.13	1,617.30	381,948.14	482.14
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	20,001,060.00	20,001,060.00	65,959,067.45	329.78	46,713,959.24	126.94
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	20,080,280.00	20,080,280.00	67,240,293.58	334.86	47,095,907.38	127.70
JUMLAH HASIL	73,660,800.00	73,660,800.00	127,346,255.47	172.88	97,808,032.52	109.82

Perbezaan ketara di antara anggaran disemak dan hasil sebenar diterangkan di Laporan Bendahari Negeri.

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolument, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu anggaran tambahan akan dibentangkan di sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri bulan Mac - April 2013 selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012			
Maksud Perbelanjaan	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja	2,214,720.00	3,554,638.65	3,496,375.08	98.36
T. 02 Pejabat DYT M Raja Muda	714,740.00	984,740.00	924,019.79	93.83
T. 03 Pengetua Dewan	157,010.00	157,010.00	153,208.68	97.58
T. 04 Perbendaharaan Negeri Perlis	40,600,000.00	40,600,000.00	8,427,088.71	20.76
T. 05 Pampasan	50,000.00	50,000.00	50,000.00	100.00
T. 06 Perbendaharaan Negeri Perlis	2,801,000.00	3,008,550.00	2,829,373.44	94.04
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	46,537,470.00	48,354,938.65	15,880,065.70	32.84
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja	2,004,105.00	2,251,887.00	2,142,549.44	95.14
B. 02 Dewan Negeri	1,037,020.00	1,037,020.00	1,033,282.68	99.64
B. 04 Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	19,681,000.00	20,764,950.00	19,500,406.74	93.91
B. 05 Pelbagai Perkhidmatan	13,272,020.00	15,928,070.00	15,864,491.77	99.60
B. 06 Perbendaharaan Negeri Perlis	2,106,800.00	2,174,800.00	2,156,541.47	99.16
B. 07 Perbendaharaan Negeri (Caruman) ***	16,284,300.00	18,879,765.00	18,879,735.00	100.00
B. 09 Jabatan Kerja Raya	17,320,822.00	19,378,231.50	19,088,792.43	98.51
B. 11 Jabatan Pertanian	3,566,818.00	3,848,004.00	3,823,293.97	99.36
B. 12 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2,009,068.00	2,098,568.00	2,051,280.85	97.75
B. 13 Jabatan Pengairan Dan Saliran	8,052,840.00	8,544,740.00	8,507,058.79	99.56
B. 14 Jabatan Perancang Bandar	788,120.00	802,520.00	769,719.84	95.91
B. 15 Jabatan Kebajikan Masyarakat	5,173,450.00	6,943,450.00	6,939,130.03	99.94
B. 16 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	2,970,510.00	3,208,180.00	3,166,033.37	98.69
B. 17 Pejabat Mufti	961,592.00	1,110,799.00	1,099,508.72	98.98
B. 18 Pejabat Mahkamah Syariah	1,383,344.00	1,630,404.00	1,598,293.34	98.03
B. 19 Pejabat Pembangunan Negeri	448,270.00	454,497.00	433,005.82	95.27
B. 23 Jabatan Perhutanan	2,208,410.00	2,447,910.00	2,430,176.32	99.28
B. 25 Jabatan Tanah Dan Galian	4,449,997.00	5,027,489.00	4,950,553.14	98.47
B. 57 Membeli Tanah	10.00	10.00	0.00	0.00
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	103,718,496.00	116,531,294.50	114,433,853.72	98.20
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)	150,255,966.00	164,886,233.15	130,313,919.42	79.03
PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			30,980,350.00	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			161,294,269.42	

Nota: (***) - tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dengan anggaran dipinda dan di antara anggaran dipinda dengan perbelanjaan sebenar diterangkan di Laporan Bendahari Negeri. Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1- Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengaunkan semua pinjaman yang diterima di bawah kuasa undang-undang Persekutuan dan Negeri serta pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Yang Lain yang dibenarkan oleh Dewan Undangan Negeri bergantung kepada tujuan pinjaman tersebut. Bayaran balik pinjaman tidak diakaunkan di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T04 berjumlah RM 8,427,088.71 seperti di Nota 5(b).

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 (Debit)/Kredit RM	2011 (Debit)/Kredit RM
Pinjaman Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	0.00	1,000,000.00
Terimaan	6,134,790.00	4,789,427.00
**** Bayaran	(6,134,790.00)	(5,789,427.00)
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2012	0.00	0.00

Nota : (****) - Jumlah bayaran adalah pindahan ke Kumpulan wang pembangunan dan kumpulan wang yang lain.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengaunkan semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	Baki pada 01.01.2012 (Debit)/Kredit RM	Debit RM	Kredit RM	Baki pada 31.12.2012 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	82,500.48	63,869,822.42	75,520,088.82	11,732,766.88
Kumpulan Wang Bekalan Air	(27,178,258.47)	21,221,192.81	20,264,525.00	(28,134,926.26)
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	109,073,423.76	45,813,805.93	43,549,629.19	106,809,247.02
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	81,977,665.77	130,904,821.16	139,334,243.01	90,407,087.62

(disambung)

(sambungan)

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>Baki pada 01.01.2012 (Debit)/Kredit RM</i>	<i>Debit RM</i>	<i>Kredit RM</i>	<i>Baki pada 31.12.2012 (Debit)/Kredit RM</i>
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Awam	102,989,255.20	40,889,424.04	53,709,441.49	115,809,272.65
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	102,989,255.20	40,889,424.04	53,709,441.49	115,809,272.65
AKAUN DEPOSIT				
Akaun Wang Deposit	40,785,944.17	1,681,731.76	4,589,882.17	43,694,094.58
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	40,785,944.17	1,681,731.76	4,589,882.17	43,694,094.58
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	225,752,865.14	173,475,976.96	197,633,566.67	249,910,454.85

(a) **Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- (i) Kumpulan Wang Pembangunan mengaakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, Pemberian TAHAP, Pemberian Pertambahan Hasil, Ansuran Perumahan Awam dan Jualan Perumahan Kos Rendah.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2012 (Debit)/Kredit RM</i>	<i>2011 (Debit)/Kredit RM</i>
BAKI PADA 1 JANUARI	82,500.48	(5,616,056.71)
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	30,980,350.00	29,015,180.00
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	4,000,000.00	0.00
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	23,313,000.00	18,917,143.00
Ansuran Perumahan Awam	1,559,318.66	2,036,150.06
Jualan Perumahan Kos Rendah	3,631,707.16	7,429,871.52
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	12,035,713.00	11,818,406.00
Jualan Aset Modal	0.00	0.00
Pelbagai Terimaan	0.00	0.00
Pelarasan	0.00	0.00
<i>Jumlah Terimaan</i>	75,520,088.82	69,216,750.58
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	58,105,414.12	59,518,193.39
Pinjaman	5,764,408.30	4,000,000.00
<i>Jumlah Bayaran</i>	63,869,822.42	63,518,193.39
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	11,650,266.40	5,698,557.19
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER	11,732,766.88	82,500.48

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

- (ii) Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air diwujudkan di bawah Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Perlis bagi menyediakan bekalan air bersih ke seluruh Negeri Perlis. Terimaan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan daripada Akaun Pinjaman

Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 (Debit)/Kredit RM	2011 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	(27,178,258.47)	(32,510,682.75)
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	2,134,790.00	4,789,427.00
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	18,129,735.00	19,181,291.00
Pelbagai Terimaan	0.00	0.00
<i>Jumlah Terimaan</i>	20,264,525.00	23,970,718.00
BAYARAN		
Perbelanjaan Mengurus	16,959,193.71	17,730,437.65
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	4,261,999.10	907,856.07
Pinjaman	0.00	0.00
<i>Jumlah Bayaran</i>	21,221,192.81	18,638,293.72
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH BEKALAN AIR PADA 31 DISEMBER	(28,134,926.28)	(27,178,258.47)

- (iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 (Debit)/Kredit RM	2011 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Kerajaan Persekutuan - Akaun Semasa Antara Pentadbiran	650,005.00	650,005.00
Kerajaan Persekutuan - Jabatan Pencen	929.84	929.84
Akaun Penyelesaian (Akaun Kawalan)	28,430.00	28,430.00
Akaun Penyelesaian Utama	1,624,616.67	1,571,706.42
Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan	74,816,200.00	69,816,200.00
Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	930,236.34	928,873.80
Pembatalan EFT	31,314.65	0.00
<i>Jumlah Akaun Penyelesaian</i>	78,081,732.50	72,996,145.06
AKAUN PERNIAGAAN		
Akaun Stor Tak Beruntuk (Akaun Kawalan)	26,508.00	26,508.00
<i>Jumlah Akaun Perniagaan</i>	26,508.00	26,508.00

(disambung)

(sambungan)

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 (Debit)/Kredit RM	2011 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PINJAMAN		
Pinjaman Perumahan Adun	1,455,635.13	1,349,011.03
Pendahuluan Membeli Kenderaan Jabatan	444,381.15	450,000.00
Pendahuluan Membeli Kenderaan Adun	520,000.00	520,000.00
Pendahuluan Diri Pegawai Awam	292,405.60	119,072.81
Pendahuluan Bayaran Terlebih Emolumen	0.00	9,961.58
Pendahuluan Pelbagai	113,780.00	95,973.10
Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain	6,000,000.00	6,000,000.00
Pinjaman Diraja	670,000.00	664,139.49
Akaun Pinjaman Perumahan Pegawai Kerajaan (Akaun Kawalan)	1,386,606.00	1,386,606.00
Pinjaman Komputer	496,245.99	495,371.55
<i>Jumlah Akaun Pinjaman</i>	11,379,053.87	11,090,135.56
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Luar Jangka	500,000.00	500,000.00
<i>Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	500,000.00	500,000.00
PELBAGAI KUMPULAN WANG		
Kumpulan Wang Pusingan Perumahan Awam Kos Rendah	8,656,934.75	8,656,934.75
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan	239,007.91	234,770.31
Akaun Kena Bayar	7,926,009.99	15,568,930.08
<i>Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang</i>	16,821,952.65	24,460,635.14
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	106,809,247.02	109,073,423.76

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu

Kumpulan Wang Amanah Awam yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut.

<i>Perihal</i>	2012 RM	2011 RM
Perbendaharaan Negeri	76,788,935.34	64,567,441.34
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	24,482,610.28	26,502,631.22
Jabatan Kerja Raya	3,982,190.72	5,973,667.89
Jabatan Pertanian	445,320.80	445,320.80
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2,121,416.77	2,153,416.77
Jabatan Kebajikan Masyarakat	85,916.96	94,216.96
Pejabat Mahkamah Syariah	242,769.54	263,340.72
Jabatan Tanah Dan Galian	7,660,112.24	2,989,219.50
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	115,809,272.65	102,989,255.20

(c) **Akaun Deposit**

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 (Debit)/Kredit RM	2011 (Debit)/Kredit RM
DEPOSIT AM		
79501 Akaun Deposit Am Jabatan Negeri	4,610,099.22	3,629,916.94
79502 Akaun Deposit Tender	1,200.00	1,200.00
79503 Akaun Cagaran	17,400.00	17,400.00
79507 Akaun Deposit Wang Jaminan	3,514,763.86	2,609,783.27
79552 Akaun Deposit Tanah	31,121,832.28	30,283,734.76
79553 Akaun Deposit Pajak Gadaai	-	-
79555 Akaun Deposit Bon Jamin Mahkamah Syariah	13,000.00	13,000.00
79562 Akaun Deposit Penyelesaian Kes Diluar Mahkamah	-	-
79565 Akaun Cagaran Bekalan Air	4,415,799.22	4,230,909.20
<i>Jumlah Deposit Am</i>	43,694,094.58	40,785,944.17
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	43,694,094.58	40,785,944.17

8. **MEMORANDUM ASET**

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) **Pinjaman Boleh Dituntut**

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	Baki Belum Selesai pada 2012 RM	2011 RM
Badan Berkanun	83,839,187.77	86,163,296.19
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	83,839,187.77	86,163,296.19

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2012

(b) **Akaun Belum Terima**

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2012 berjumlah RM 24,569,614.55 berdasarkan rekod jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan, walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Maklumat terperinci tunggakan hasil dapat di rujuk di Lampiran 4 - Penyata Ringkas Tunggakan Hasil pada 31 Disember 2012

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Hutang Awam pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012	2011
	RM	RM
<i>Perihal</i>		
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Bekalan Air	144,226,348.36	142,109,085.22
Perumahan Awam Kos Rendah	71,585,633.62	74,495,867.84
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	112,545,965.40	115,091,791.79
Pelbagai	14,798,397.25	10,798,397.25
JUMLAH HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI	343,156,344.63	342,495,142.10

Maklumat terperinci Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dapat di rujuk di Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam.



Jabatan Audit Negara Malaysia
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my